

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN FUTSAL  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI DAN WANITA)**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan dan syarat pengawalan teknikal yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan Pertandingan **Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)** serta Undang-undang Permainan Bolasepak **Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 1.4 Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA) akan bertanggungjawab di dalam organisasi teknikal dan seluruh kawalan serta pengurusan pertandingan.
- 1.5 Persatuan Bola Sepak Sabah akan melantik seorang Pengarah Pertandingan/Teknikal (*General Coordinator*), Venue Kordinator, Pengerusi Disiplin, Pengerusi Pengadil serta Pegawai yang perlu untuk menguruskan pengelolaan pertandingan.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**
- 2.2 Pertandingan akan bermula pada : **11 hingga 16 Oktober 2025**.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan akan diadakan seperti berikut: **SG Futsal** dan **Stadio De Futsal**.

**4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan hanyalah kepada semua daerah penuh di Negeri Sabah sahaja.
- 4.2 Daerah-daerah yang mengambil bahagian hendaklah menghantar borang penyertaan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 4.3 Daerah-daerah yang menyertai pertandingan secara automatik mematuhi perkara-perkara berikut:
  - 4.3.1 Mematuhi undang-undang permainan dan peraturan badan yang mengelola.
  - 4.3.2 Menerima keputusan pentadbiran, disiplin dan kepengadilan berkaitan pertandingan yang diputuskan oleh Pegawai SAFA yang bertanggungjawab seperti yang termaktub dalam peraturan pertandingan bola sepak.
  - 4.3.3 Menerima semua kemudahan yang disediakan oleh tuan rumah, penganjur (Majlis Tertinggi Sukan Sabah) 2025, Majlis Sukan Negeri Sabah, SAFA berkaitan penginapan dan lain-lain.

4.3.4 Mematuhi dan menghormati motto '*FAIR PLAY*'.

4.3.5 Semua Pegawai, pemain membenarkan gambar yang berkaitan pertandingan ini diterbitkan dalam media massa atau televisyen.

## 5.0 PENTADBIRAN DAN ORGANISASI

5.1 Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA) bertanggungjawab di atas persediaan **stadium/dewan** perlawanan, **padang/dewan** latihan dan kemudahan yang perlu adalah mengikut spesifikasi seperti yang terkandung dalam peraturan FAM dan FIFA.

5.2 Jawatankuasa Induk Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 akan bertanggungjawab diatas persediaan penginapan dan makan serta pengangkutan pasukan.

5.3 SAFA akan mengadakan Mesyuarat Pengurus-pengurus pasukan sehari (1) sebelum bermula pertandingan bola sepak.

## 6.0 KELAYAKAN PEMAIN & JURULATIH

6.1 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.

6.2 Pemain yang lahir pada tahun **2005 hingga 2010** lelaki dan wanita sahaja yang layak bermain dalam pertandingan ini. Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan peraturan had umur dipatuhi.

6.3 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran passport semasa pendaftaran peserta.

6.4 Semua pasukan hendaklah mendaftar pemain-pemain yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang mengambil bahagian dalam pertandingan dengan Persatuan. Pendaftaran pemain-pemain hendaklah dibuat dalam borang GF3.

6.5 Tiap-tiap pemain yang hendak menyertai daerah yang lain hendaklah menjadi pemain persatuan/kelab gabungan mana-mana persatuan sukan di daerah berkenaan selama enam (6) bulan sebelum tarikh Sukan Sabah.

6.6 **Ketua Jurulatih Futsal setiap daerah/pasukan perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan (AFC LEVEL 1@2 ) syarat Mandatori bagi Ketua Jurulatih.**

## 7.0 PENDAFTARAN PEMAIN

7.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 1 pasukan lelaki dan 1 pasukan wanita seperti berikut:

|                   | <b>Lelaki</b>   | <b>Wanita</b>   |
|-------------------|-----------------|-----------------|
| Pengurus Pasukan  | 1 orang         | 1 orang         |
| Jurulatih Pasukan | 3 orang         | 3 orang         |
| Peserta           | 16 orang        | 16 orang        |
| <b>Jumlah</b>     | <b>20 orang</b> | <b>20 orang</b> |

7.2 Jawatan empat (4) orang Pegawai hendaklah disebutkan di dalam borang.

7.3 Pasukan-pasukan hanya dibenarkan mendaftar enam belas (16) orang pemain dan empat

(4) orang Pegawai pada Mesyuarat Pengurus Pasukan. Pemain-pemain ini hendaklah terdiri dari enam belas (16) orang pemain yang telah didaftarkan dalam pendaftaran asal.

- 7.4 Setiap pasukan hendaklah menghantar senarai pertama enam belas (16) orang pemain sebelum **07 Julai 2025** ke Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah XI, Tawau 2025. Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:
- 7.4.1 Nama penuh pemain, posisi dan empat (4) orang Pegawai serta jawatan.
  - 7.4.2 Tarikh dan tempat dilahirkan.
  - 7.4.3 Nombor jersi, 1 hingga 16 (tidak boleh ditukar sehingga pertandingan selesai).
  - 7.4.4 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
- 7.5 Pasukan tidak dibenarkan membuat pendaftaran dan pembatalan pemain selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 7.6 Setelah senarai enam belas (16) orang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan, pendaftaran baru hanya dibenarkan kepada penjaga gol sahaja diatas sebab-sebab kecederaan. Pendaftaran hanya boleh dibuat setelah mendapat pengesahan dari doktor Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA).
- 7.7 Semua pasukan diminta mengisytiharkan warna jersi, seluar, stokin dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa menjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan yang kedua adalah pasukan pelawat). Jika terdapat persamaan warna jersi setelah disahkan oleh Pengadil Perlawanan, pasukan pelawat hendaklah menukar jersi. Walau bagaimanapun pasukan adalah **Wajib** membawa dua (2) set jersi yang berlainan warna/corak untuk diperiksa semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 7.8 Nombor jersi yang dibenarkan adalah dari 1 hingga 16 sahaja. Nombor jersi ini tidak boleh ditukar setelah didaftarkan semasa pendaftaran asal. Nombor jersi di hadapan hendaklah berukuran 10-15 cm tinggi. Pemain-pemain yang didapati memakai nombor jersi lain daripada yang didaftarkan akan dikenakan tindakan tatatertib. Saiz nombor belakang jersi hendaklah berukuran 25-35 cm tinggi, manakala nombor sebelah kanan seluar hendaklah 10-15 cm tinggi.
- 7.9 Jersi penjaga gol hendaklah mempunyai warna yang berlainan daripada pemain-pemain lain. Warna jersi penjaga gol utama dan warna jersi penjaga gol simpanan hendaklah sama tetapi dengan nombor jersi yang berlainan. Nombor jersi Nombor 1 hendaklah dikhaskan untuk Penjaga Gol sahaja.
- 7.10 Pasukan yang menyertai pertandingan ini boleh menggunakan nama penaja pada jersi seperti yang disyaratkan dalam peraturan pertandingan FAM, asalkan ianya tidak bercanggah dengan peraturan FIFA dan Majlis Olimpik Malaysia.

## 8.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa dan diterbitkan oleh FIFA.

- 8.2 Sekurang-kurangnya satu jam (**60**) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan (**TEAM SELECTION LIST**) nama lima (**5**) pemain dan sembilan (**9**) pemain simpanan di 'start list' yang diedarkan oleh urusetia.
- 8.3 Sembilan (9) pemain simpanan yang disenaraikan dalam senarai pendaftaran perlawanan (**Team Selection List**) boleh mengambil bahagian dalam perlawanan berkenaan dan berada di kawasan teknikal. Tiada had bilangan penggantian yang boleh dibuat oleh setiap pasukan dalam perlawanan berkenaan.
- 8.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata di lengan kiri jersinya. Sekiranya ketua pasukan diganti, maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberi kepada ketua pasukan yang dilantik.

## 9.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 9.1 Pusingan liga kumpulan akan ditentukan secara berikut:
- 9.1.1 **Mata yang tertinggi;**
  - 9.1.2 **Perbezaan gol yang tertinggi;**
  - 9.1.3 **Jumlah jaringan gol terbanyak;**
  - 9.1.4 **Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mendapat jumlah mata, perbezaan gol dan jaringan gol yang sama, kriteria berikut akan diguna pakai mengikut susunan hirarki:**
    - 9.1.4.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang tertinggi di kalangan pasukan-pasukan Yang terlibat;
    - 9.1.4.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol tertinggi di kalangan pasukan-pasukan yang terlibat;
    - 9.1.4.3 Pasukan yang mempunyai jaringan gol terbanyak di kalangan pasukan-pasukan yang terlibat;
    - 9.1.4.4 Sepakan dari tanda penalti; jika hanya dua (2) pasukan yang terlibat dan kedua-duanya masih di gelanggang permainan yang sama;
    - 9.1.4.5 Kiraan mata fair play yang terendah;
    - 9.1.4.6 Undian mengikut kaedah yang diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal di keputusannya Adalah muktamad.
  - 9.1.5 **Jawatankuasa teknikal mempunyai hak menentukan format pertandingan dan jadual pertandingan berasaskan kepada pengesahan jumlah pasukan.**
  - 9.1.7 **Perlawanan di Peringkat Kumpulan**
    - i) Pasukan akan diundi ke dalam kumpulan-kumpulan dengan minima tiga (3) pasukan atau maksima lima (5) pasukan dalam setiap kumpulan.
    - ii) Tatacara Undian akan dilaksanakan setelah pengesahan pasukan diterima dan pasukan pilihan jika ada hanya akan ditetapkan oleh JK teknikal yang mana keputusannya adalah MUKTAMAD.
    - iii) Diadakan secara liga satu (1) pusingan.
    - iv) Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan atau diputuskan berlainan Jawatankuasa Teknikal Futsal Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 layak ke Peringkat Suku Akhir.
    - v) **Semua pasukan harus melengkapkan kesemua jadual perlawanan yang diberikan, kegagalan pasukan berbuat demikian mengikut arahan yang diberikan akan dikenakan penalti/Denda yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan.**
  - 9.1.8 **Perlawanan Peringkat Suku Akhir**
    - i) Diadakan secara kalah mati satu (1) pusingan.
    - ii) Jadual perlawanan adalah seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Teknikal Futsal Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

|           |            |           |
|-----------|------------|-----------|
| <b>A1</b> | <b>mln</b> | <b>B2</b> |
| <b>B1</b> | <b>mln</b> | <b>A2</b> |
| <b>C1</b> | <b>mln</b> | <b>D2</b> |
| <b>D1</b> | <b>mln</b> | <b>C2</b> |

- iii) Pemenang-pemenang dalam perlawanan Suku Akhir layak ke perlawanan Separuh Akhir.

#### 9.1.9 Perlawanan Peringkat Separuh Akhir

- i) Diadakan secara kalah mati satu (1) pusingan.

- ii) Jadual perlawanan adalah seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Teknikal Futsal Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

|              |            |              |
|--------------|------------|--------------|
| <b>A1/B2</b> | <b>mln</b> | <b>C1/D2</b> |
| <b>B1/A2</b> | <b>mln</b> | <b>D1/C2</b> |

- iii) Pemenang-pemenang dalam perlawanan Separuh Akhir layak ke perlawanan Akhir.

#### 9.1.10 Perlawanan Penentuan Tempat Ke-3 & Ke-4

- i) Diadakan secara kalah mati satu (1) pusingan.

- ii) Pasukan-pasukan yang kalah dalam perlawanan Separuh Akhir akan bermain dalam perlawanan penentuan tempat ke-3 dan ke-4.

#### 9.1.11 Perlawanan Akhir

- i) Diadakan secara kalah mati satu (1) pusingan.

- ii) Pasukan yang menang diisytiharkan sebagai Johan dan pasukan yang kalah diisytiharkan Naib Johan Pertandingan Futsal Sukan Sabah XI, Tawau 2025.

### 10.0 MASA PERLAWANAN ( RUNNING TIME / STOP TIME )

- 10.1** Perlawanan di peringkat **Liga Kumpulan** berlangsung dan mengambil masa selama dua puluh **(20) minit ( RUNNING TIME )**, yang terdiri daripada dua (2) tempoh masa dalam setiap perlawanan iaitu **sepuluh (10) minit** bagi setiap separuh masa permainan. Waktu rehat pada separuh masa hendaklah dalam tempoh **lima (5) minit** di antara tempoh bermula pada wisel berakhir tempoh masa pertama dan berakhir apabila wisel tempoh kedua bermula.

- 10.2** Bagi perlawanan di pusingan **Suku akhir (RUNNING TIME) Serta Separuh Akhir dan Akhir (STOP TIME)** yang berlangsung mengambil masa selama tiga puluh **(30) minit**, yang terdiri daripada dua (2) tempoh dalam setiap perlawanan iaitu lima belas **(15) minit** bagi setiap separuh masa permainan. Waktu rehat pada separuh masa hendaklah dalam tempoh sepuluh minit (10) minit di antara tempoh bermula pada wisel berakhir tempoh masa pertama dan berakhir apabila wisel tempoh kedua bermula.

- 10.3** Setiap pasukan yang mengambil bahagian boleh meminta untuk satu (1) minit **'time-out'** pada setiap separuh masa. Pegawai-pegawai yang terlibat diberi kuasa untuk meminta pengadil ketiga atau penjaga masa, untuk satu **'time-out'** selama satu (1) minit menggunakan dokumen yang disediakan. Penjaga masa akan menggunakan isyarat yang berbeza daripada pengadil untuk memberi isyarat permainan dihentikan seketika semasa bola dimiliki oleh pasukan yang memohon atau bola berada di luar permainan.

- 10.4** Penentuan pemenang bagi kesemua perlawanan di peringkat kalah mati satu pusingan adalah seperti berikut:
- 10.5.1 Pasukan yang menjaringkan lebih gol daripada pasukan lawan dalam tempoh permainan biasa; jika seri
  - 10.5.2 Pasukan yang menjaringkan lebih gol daripada pasukan lawan pada masa tambahan; jika seri
  - 10.5.3 Pasukan yang menjaringkan lebih gol daripada pasukan lawan pada penentuan sepakan dari tanda penalti mengikut kaedah dan tatacara yang diperuntukkan oleh Undang-undang Permainan FIFA.

## **11.0 TINDAKAN TATATERTIB**

- 11.1 SAFA akan melantik seorang Pengerusi Disiplin Pertandingan.
- 11.1.1 Pemain akan digantung automatik satu (1) perlawanan jika menerima dua (2) kad kuning dalam perlawanan yang berasingan semasa Peringkat Kumpulan/Peringkat Kalah Mati.
  - 11.1.2 Pemain akan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya jika menerima terus Kad Merah (Perintah Keluar Gelanggang);
  - 11.1.3 Pemain akan digantung automatik keseluruhan pertandingan jika menerima Kad Merah kerana berkelakuan ganas. Lembaga Disiplin akan menentukan status pemain tersebut;
  - 11.1.4 Hukuman penggantungan yang diterima semasa Peringkat Kumpulan hendaklah dilaksanakan sepenuhnya walaupun jika terpaksa di bawa ke Peingkat Kalah Mati.
  - 11.1.5 Tindakan akan diambil kepada pasukan yang mendaftar pemain yang tidak layak. Perkara seperti di atas adalah tidak terpakai dalam kes-kes di luar jangkaan (*Force Majeure*) yang diiktiraf oleh JKPTF. JKPTF hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu dalam kes *Force Majeure*. Jika, melalui kesalahan mana-mana pasukan yang mengambil bahagian, perlawanan ini tidak akan dapat berlaku atau dimainkan secara keseluruhan, JKTPF akan menganugerahkan kepada pasukan lawan 3 mata dengan jaringan 5-0 atau lebih jika pasukan lawan telah pun mencapai jaringan yang lebih tinggi

## **12.0 BANTAHAN**

- 12.1 Prosedur bantahan adalah seperti berikut:
- 12.1.1 Menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Pengelola melalui Pengarah Pertandingan dalam masa enam puluh (60) minit selepas tamat perlawanan, dan bersertakan **RM 500.00** (Lima Ratus Ringgit) tunai.
- 12.2 **Keputusan bantahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad.**

### 13.0 PENGADIL

13.1 **SAFA** akan melantik semua Jawatankuasa Pengadil Pertandingan yang terdiri dari seorang (1) Pengerusi, dua (2) orang ahli.

13.1.1 Semua pelantikan Pengadil adalah tanggungjawab SAFA.

13.1.2 Keputusan Pengadil adalah muktamad.

### 14.0 TATATERTIB

14.1 Semua langkah-langkah tatatertib berkenaan dengan pertandingan ini hendaklah dilaksanakan mengikut Statut SAFA semasa, Kod Tatatertib SAFA dan Pekeliling yang telah dikeluarkan.

14.2 Perasatuan Bolasepak Sabah (SAFA) boleh memperkenalkan kaedah-kaedah tatatertib dan hukuman yang baharu. Kaedah-kaedah itu hendaklah disampaikan kepada Persatuan bagi setiap Pasukan yang bertanding sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum perlawanan pertama pertandingan bermula.

14.3 Semua Pegawai dan Pemain bersetuju untuk:  
i. Menghormati semangat Fair Play, anti-keganasan dan kuasa Pegawai Perlawanan;  
ii. Menjaga kelakuan; dan  
iii. Mengelakkan penggunaan dadah

### 15.0 JAWATANKUASA BANTAHAN

15.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Persatuan Bolasepak Sabah (SAFA) seperti berikut:

19.1.1 Ketua Delegat Teknikal

19.1.2 Ketua Pengadil

19.1.3 Penilai Pengadil Perlawanan

19.1.4 2 Wakil SAFA

15.2 Jawatankuasa Bantahan akan bersidang dan akan membuat keputusan dalam masa (24) jam setelah menerima bantahan.

15.3 Jawatankuasa Bantahan berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

15.4 **Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.**

## 16.0 HADIAH

16.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

| Kategori      | Emas          | Perak         | Gangsa        |
|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Lelaki        | 1 (16)        | 1 (16)        | 1 (16)        |
| Wanita        | 1 (16)        | 1 (16)        | 1 (16)        |
| <b>Jumlah</b> | <b>2 (32)</b> | <b>2 (32)</b> | <b>2 (32)</b> |

16.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan tetap Perkara 14.3**

## 17.0 HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

17.1 Segala hal yang tidak diperuntukan dibawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 SAFA, FAM, FIFA dan keputusan tersebut adalah muktamad.